

Isu Tabungan Orang Melayu dalam Sejarah Pengerjaan Haji Era Kapal Laut

The Issue of Savings by Malays in The History of Pilgrimage during the Sea Transportation Era

AIZA MASLAN¹ @ BAHARUDIN, MAHANI MUSA^{2*}

¹*Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia*

²*Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia*

Corresponding author: mahani@usm.my

Received: 27 Februari 2023 Accepted: 12 May 2023

Abstrak

Artikel ini bertujuan meneliti aspek tabungan orang Melayu untuk tujuan menunaikan haji semasa era pelayaran kapal laut. Masalah yang timbul ekoran kurang persediaan dari segi kewangan dalam usaha menunaikan rukun Islam kelima ini telah mendapat perhatian para pentadbir dan cerdik pandai Melayu sejak 1930-an lagi. Kritikan sering ditumpukan kepada kaedah penyimpanan wang secara tradisional yang sering menjerumuskan orang Melayu yang berhasrat menunaikan haji ke kancah hutang sehingga ada sarjana mengaitkan haji sebagai salah satu punca kemiskinan orang Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan merujuk kepada sumber pertama seperti *Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee*, fail Setiausaha Kerajaan Negeri, dan *British Adviser*. Hasil kajian ini mendapati bahawa, selain kaedah tabungan tradisional yang tidak menguntungkan, ketidakcukupan wang untuk membiayai perbelanjaan naik haji atau terputus belanja semasa berada di Makkah juga berpunca daripada beberapa isu lain seperti turun naik matawang, penggunaan mata wang asing yang tidak seragam serta kurang panduan daripada pihak kerajaan tentang persediaan kewangan bagi jemaah haji di Tanah Melayu.

Kata kunci: Naik Haji; Tabungan Tradisional; Hutang; Isu Riba; Mata Wang Asing

Abstract

This article aims to study the aspect of savings by Malays for the purpose of undertaking the pilgrimage during the era of sea transportation. The resultant problems following poor financial preparedness to fulfil the fifth tenets of Islam among the Malays have attracted administrators and Malay intellectuals since the 1930s. Criticisms have been levelled against traditional mode of saving that led Malays who intended to go for the pilgrimage being dragged into indebtedness. Some scholars even claim the hajj was one of the cause of Malay poverty. This study utilised the qualitative method by looking at primary sources like the *Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee*, files from the Office of the State Secretary and the Office of the *British Adviser*. The study found out, other than the traditional mode of savings which is unprofitable, the problem of insufficient fund to go for the pilgrimage or fund insufficiency while in the holy land was also caused by other issues like currency depreciation, the lack of uniformity in the use of foreign currency, and poor guidance from the government with regards financial preparedness of pilgrims from Malaya.

Keywords: Pilgrimage; Traditional Savings; Indebtedness; Interest (Riba); Foreign Currency

Pengenalan

Sejarah haji di Tanah Melayu kurang menarik minat ramai pengkaji meskipun pelbagai isu muncul berhubung amalan rukun Islam kelima ini. Perang Dunia Pertama (1914-1918) menyaksikan titik perubahan penting terhadap sikap acuh tidak acuh British selama ini terhadap urusan haji. Selain muncul tuduhan di peringkat antarabangsa bahawa jemaah haji sebagai penular wabak penyakit serta kebimbangan pihak kolonial terhadap pengaruh idea Islah yang dibawa masuk oleh jemaah haji yang baharu pulang dari Tanah Arab,¹ satu lagi isu penting berkaitan jemaah haji dari Tanah Melayu ialah masalah kewangan yang dihadapi semasa di Tanah Suci sehingga menimbulkan perdebatan dalam kalangan pentadbir dan cerdik pandai Melayu sejak 1930-an lagi. Malah terdapat pengkaji Barat yang mengaitkan ibadah haji sebagai punca kemiskinan orang Melayu. Makalah ini bertujuan mengupas isu tabungan orang Melayu bagi tujuan mengerjakan haji bagi menjawab persoalan sama ada kaedah tabungan yang tidak menguntungkan menjadi satu-satunya punca orang Melayu berhadapan dengan isu kewangan semasa di Makkah dan juga selepas pulang dari Tanah Suci.

Sejarah Ringkas Jemaah Haji dari Tanah Melayu sehingga Perang Dunia Kedua

Kajian tentang haji oleh Mary Bryne McDonnell, atau kajian awal oleh William R. Roff membuktikan ibadah haji merupakan aktiviti yang mempunyai kesan yang penting kepada sejarah dan peradaban penduduk di Asia Tenggara.² Dari segi statistik bilangan jemaah haji Tanah Melayu hanya dapat dikesan seawal tahun 1885, iaitu seramai 3,685 orang. Sehingga 1941, bilangan ini menunjukkan peningkatan walaupun dalam tempoh tertentu berlaku turun naik disebabkan oleh perkembangan semasa dan antarabangsa sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1: Statistik Jemaah Haji Tanah Melayu, 1885-1941

Tahun	Jemaah Haji	Tahun	Jemaah Haji	Tahun	Jemaah Haji
1885	3,685	1905	5,349	1925	5,500
1886	2,889	1906	6,511	1926	3,073
1887	2,524	1907	5,922	1927	12,184
1888	2,659	1908	4,689	1928	9,875
1889	2,361	1909	5,268	1929	4,646
1890	3,532	1910	7,177	1930	4,353
1891	4,120	1911	11,707	1931	1,334
1892	3,160	1912	8,743	1932	329
1893	5,764	1913	11,243	1933	320
1894	2,209	1914	8,344	1934	514
1895	2,678	1915	PD I	1935	712
1896	2,837	1916	PD I	1936	1,046
1897	4,635	1917	PD I	1937	2,882
1898	2,528	1918	PD I	1938	5,115
1899	3,090	1919	1,270	1939	2,059
1900	6,861	1920	14,397	1940	45
1901	4,356	1921	9,593	1941	PD II
1902	4,896	1922	5,671	1942	PD II
1903	7,612	1923	5,576		
1904	4,246	1924	13,024		

Sumber: McDonnell (1986) dan Roff (1982).

Menurut Abdul Kadir, selain bergantung kepada suasana politik yang mempengaruhi keselamatan dalam pelayaran, kedudukan kewangan sering menjadi faktor yang mempengaruhi corak pemergian orang Melayu ke Tanah Suci.³ Buktinya rekod bilangan jemaah haji tertinggi yang dicatatkan berlaku antara tahun 1911-1914 kerana sebagaimana yang diulas oleh J.H. Drabble dalam tempoh tersebut berlaku peningkatan harga getah (*rubber boom* 1909-1912) yang mendorong pekebun kecil menjual tanah mereka kepada syarikat pengeluar getah untuk mendapatkan keuntungan.⁴ Agak menarik apabila sarjana-sarjana seperti E. K. Fisk dan Syed Husin Ali mengaitkan penjualan tanah oleh orang Melayu dalam tempoh tersebut juga adalah untuk tujuan menunaikan haji.⁵ Ekoran tercetusnya Perang Dunia Pertama aktiviti haji orang Melayu terhenti namun disambung kembali pada tahun 1919 dengan jumlah yang kecil berikutan kemelesetan selepas perang. Jumlah jemaah, walau bagaimanapun, meningkat secara mendadak pada tahun 1920 kerana keyakinan terhadap keselamatan pulih kembali. Namun kesan peperangan telah menyebabkan permintaan terhadap komoditi mentah termasuk getah melebihi penawaran, sekali gus membawa kepada kenaikan harga komoditi tersebut. Hal ini mendorong pihak pengeluar meningkatkan pengeluaran ke tahap maksimum yang berakhir dengan lambakan komoditi getah di pasaran dunia. Kejatuhan harga komoditi getah pada awal tahun 1920-an secara tidak langsung menyebabkan berlakunya penyusutan bilangan jemaah haji antara 1921-1923 dan hal yang sama berlaku pada 1930-an yang sekali lagi menyaksikan penurunan harga komoditi mentah termasuk getah di pasaran dunia.

Dari segi pengangkutan pula, sebelum kapal terbang diperkenalkan sepenuhnya sebagai pengangkutan jemaah haji pada 1977, pemergian jemaah haji ke Tanah Suci dilakukan dengan menggunakan kapal laut. Bagi tahun 1875 hingga 1895, kadar tambang kapal haji (kapal laut) adalah sekitar \$300.00. Namun, mulai 1923 hingga 1941, kadar tambang berlegar antara \$500.00 hingga \$680.00 kecuali bagi tahun 1929 yang mana kadar tambangnya meningkat kepada \$900.00. Dua pelabuhan berlepas yang utama ialah pelabuhan Pulau Pinang dan pelabuhan Klang (dahulunya Port Swettenham) dengan menggunakan kapal-kapal pedagang. Tempoh pelayaran adalah sekitar 14 sehingga 16 hari bagi pelayaran sehala, namun adakalanya menjadi lebih lama disebabkan faktor di luar jangkaan seperti ribut di laut atau kapal tidak sampai pada tarikh yang ditetapkan sehingga terpaksa menunggu kapal lain yang juga mengambil masa yang lama untuk tiba di Hejaz. Meskipun wujud dua pelabuhan berlepas ini, Laporan Tahunan Haji hingga 1940 menunjukkan terdapat segelintir jemaah haji Tanah Melayu yang pergi ke Tanah Suci melalui India, Aden, dan Mesir kerana beranggapan tambang perjalanan adalah lebih murah. Malang sekali, mereka kerap kali berhadapan dengan risiko ditipu oleh pelbagai pihak. Sebagai contoh, Konsul British di Jeddah pernah melaporkan seramai 300 orang jemaah haji dari Tanah Melayu yang cuba ke Makkah melalui India pada tahun 1927 telah diselamatkan daripada penipuan sheikh haji.⁶ Lebih malang lagi, mereka sukar mendapatkan pertolongan daripada Pegawai Haji Melayu di Jeddah ketika ditimpa musibah kerana hanya jemaah haji yang menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang ditetapkan oleh kerajaan Tanah Melayu sahaja diiktiraf sebagai jemaah haji Tanah Melayu yang sah sebagaimana termaktub dalam *The Pilgrims and Pilgrim Ships Enactment* 1930.⁷

Antara musibah yang kerap dihadapi ialah kehabisan wang bagi pelayaran pulang ke tanah air. Pada tahun 1916, dilaporkan seramai 817 orang jemaah haji terkandas di Bombay setelah menumpang kapal dari India dan terpaksa dibawa pulang dengan perbelanjaan pihak kerajaan British di Tanah Melayu.⁸ Isu yang sama kerap kali berulang pada tahun-tahun berikutnya melibatkan jemaah haji yang kehabisan wang dan bekalan makanan merayu untuk dibawa pulang ke Tanah Melayu. Masalah seperti ini menyebabkan sistem pas haji akhirnya diperkenalkan pada 1924 bagi membantu pihak berkuasa memastikan bahawa jemaah haji memiliki cukup perbelanjaan bagi menyempurnakan ibadah haji dan pulang ke tanah air.⁹

Kebimbangan mengenai aliran keluar pemilikan tunai orang Melayu yang dikaitkan dengan ibadat haji sebagai punca utama penyusutan simpanan orang Melayu dibincang dan diperdebatkan oleh beberapa sarjana tempatan dan Barat malah juga pentadbir Melayu. Ungku Abdul Aziz sebagaimana dilaporkan di dalam *Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee* menyebut *'the biggest single motive for saving among the majority of Malays, is that of saving for the religious duty of undertaking the pilgrimage to Mecca'*.¹⁰ Lim Teck Ghee pula menganggarkan orang Melayu telah membelanjakan sejumlah \$500 juta antara tahun 1874 hingga 1941 bagi tujuan naik haji.¹¹

Isu perbelanjaan haji juga tidak terhenti setakat itu sahaja. Pada tahun 1951, Pegawai Daerah Kerian, Hashim Mat Deris mengemukakan saranan agar jemaah haji diwajibkan menjadi ahli syarikat kerjasama tempatan dengan wang taruhan sebanyak \$250.00 bertujuan menghindari masalah keputusan wang dalam kalangan jemaah haji sekembalinya mereka ke tanah air. Wang tersebut hanya dikembalikan setelah jemaah haji melunaskan segala hutang-piutang sekembalinya mereka dari Makkah. Saranan tersebut, walau bagaimanapun, mendapat bantahan Raja Muda Musa Raja Mahadi dari Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu, Perak yang berpendapat bahawa syarat yang lebih tegas perlu dilaksanakan bagi memastikan bahawa hanya individu yang berkemampuan dari segi kewangan sahaja dibenarkan menunaikan haji.¹²

Menariknya, dekad 1950-an yang disifatkan sebagai titik tolak kepada perubahan corak sosioekonomi masyarakat bukan sahaja telah menggerakkan pihak kerajaan menggembeling usaha bagi memajukan masyarakat, bahkan mendapat perhatian pakar-pakar ekonomi negara untuk menjalankan kajian bagi mengenalpasti dan mencari penyelesaian terhadap isu kemunduran ekonomi orang Melayu. Pemikiran mengenai kemiskinan orang Melayu luar bandar, kaedah penyimpanan wang orang Melayu dan kesannya ke atas pembangunan ekonomi negara telah disuarakan oleh Ungku Abdul Aziz pada 1952. Ungku Abdul Aziz yang banyak menjalankan kajian mengenai kemunduran ekonomi luar bandar berpandangan bahawa kaedah penyimpanan wang orang Melayu secara tradisional amat merugikan dan memberi kesan negatif kepada individu dan struktur ekonomi luar bandar. Bertitik tolak daripada kajian yang dilakukan oleh beliau, penubuhan Lembaga Tabung Haji kemudiannya direalisasikan pada tahun 1963 sebagai satu bentuk penyelesaian terbaik kepada orang Melayu menyimpan bagi tujuan penyempurnaan rukun Islam kelima.

Perbahasan Sarjana tentang Ekonomi Orang Melayu dan Aktiviti Haji

Tulisan yang menyentuh tentang hubungan antara aspek ekonomi orang Melayu dengan ibadah haji telah dihasilkan oleh beberapa orang penulis Barat dan tempatan. Tulisan Gamba merupakan antara hasil kajian terawal yang mendalami tentang kaedah penyimpanan wang dan harta oleh orang Melayu.¹³ Kajian tersebut mendedahkan kecenderungan orang Melayu menyimpan harta dalam bentuk tanah, barangan kemas, dan binatang ternakan dalam usaha mengelakkan diri terjebak dengan amalan riba. Namun begitu, menurut beliau, segala harta yang dimiliki oleh orang Melayu akan dijual apabila timbul keinginan untuk menunaikan haji.

Kegagalan memahami dan menghalusi beberapa konsep dalam agama Islam sedikit sebanyak telah mencatitkan hasil penulisan mereka. B. K. Parkinson umpamanya, berkecenderungan menyalahkan sistem kepercayaan orang Melayu iaitu konsep qadak dan qadar serta keengganan orang Melayu menerima sebarang perubahan sebagai faktor yang mengakibatkan kemunduran dan kemiskinan dalam masyarakat tersebut, selain tafsiran yang menyifatkan orang Melayu sebagai bangsa yang pemalas.¹⁴ Malah terdapat juga kecenderungan dalam kalangan pengkaji Barat untuk mengaitkan ibadah haji dengan faktor kemiskinan orang Melayu seperti tulisan von der Mehden.¹⁵

Pandangan tersebut, walau bagaimanapun, telah disangkal oleh Syed Husin yang menegaskan konsep qadak dan qadar mungkin boleh menjelaskan sikap kebanyakan petani miskin menerima keadaan mereka tanpa rasa gelisah dan keluh-kesah, tetapi tidak boleh dianggap sebagai penyebab kemiskinan orang Melayu.¹⁶ Hujahan Syed Husin selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ungku Abdul Aziz yang menyifatkan kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan oleh tiga faktor iaitu produktiviti yang rendah, eksploitasi pelbagai pihak dan pengabaian golongan intelektual dan pihak kerajaan terhadap kemajuan ekonomi luar bandar.¹⁷

Abdul Kadir pula meskipun mengakui pengerjaan haji telah mengakibatkan pengaliran keluar sejumlah besar simpanan orang Melayu, namun beliau melihat percubaan sesetengah pihak untuk menghubungkan antara ibadah haji dengan kemiskinan orang Melayu terlalu diperbesar-besarkan. Beliau menegaskan bahawa perkaitan antara ibadah haji dan kemiskinan orang Melayu masih kabur dan memerlukan kajian lanjut yang bersifat empiris sebelum pendapat tersebut dapat diterima atau ditolak.¹⁸

Kaedah Tabungan Wang bagi Tujuan Menunaikan Haji

Salah satu cara yang sering digunakan oleh orang Melayu terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar bagi membiayai perbelanjaan dan sara hidup di Tanah Suci ialah simpanan dalam bentuk tabungan. Pada awal kurun ke-20, penyimpanan wang di institusi kewangan konvensional seperti pejabat pos atau bank hampir tidak kedengaran dalam kalangan orang Melayu di luar bandar. Keadaan ini mungkin disebabkan ketiadaan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dan kejahilan orang Melayu di luar bandar pada ketika itu tentang operasi sistem perbankan. Walaupun pada sekitar tahun 1950-an terdapat sebanyak 185 buah pejabat pos di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, tiada sebuah pun yang ditempatkan di kawasan luar bandar. Usaha pihak kerajaan untuk mengadakan perkhidmatan pos bergerak juga tidak dapat memenuhi objektif utama penyimpanan wang, iaitu untuk kegunaan ketika kecemasan kerana kegagalan perkhidmatan tersebut mengunjungi kawasan luar bandar sekerap mungkin. Ini selari dengan kenyataan T.N. Harper bahawa, *'nor were Malays unresponsive to modern banking where it was available. In fact, the provision of facilities for postal savings was insufficient to meet growing rural needs.* Harper menjelaskan bahawa menjelang tahun 1959, 80 % deposit bagi koperasi luar bandar datangnya dari negeri-negeri penanaman padi iaitu Kedah, Perlis, dan Province Wellesley.¹⁹ Pada akhir tahun 1961, terdapat 13 buah bank di empat buah negeri, iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis. Kemudahan perbankan tersebut hanya mula diperkenalkan di Perlis pada tahun 1959.²⁰

M. G. Swift berpendapat bahawa penolakan terhadap sebarang unsur riba atau bunga daripada penyimpanan wang di institusi kewangan mendorong orang Melayu mengekalkan simpanan mereka dalam bentuk aset beku yang disorok di segenap penjuru rumah.²¹ Pada sekitar tahun 1911, usaha Gabenor Negeri-Negeri Selat, Sir Arthur Young (1911-1920) memperkenalkan satu sistem pinjaman pertanian kepada orang Melayu di luar bandar mendapat tentangan daripada orang Melayu berikutan penolakan terhadap riba. Keengganan melibatkan diri dalam riba juga telah menyebabkan orang Melayu menolak sebarang bentuk perkhidmatan bank simpanan dan koperasi dan perkara ini selari dengan pandangan Awang Had Saleh.²²

Kontroversi mengenai isu riba pernah melanda Tanah Melayu pada sekitar tahun 1913-1914 apabila Haji Abbas Mohd. Taha, editor majalah *Al-Imam* mengisytiharkan bahawa faedah yang diterima daripada bank simpanan dan koperasi tidak termasuk dalam riba yang diharamkan. Kontroversi tentang riba juga telah dibincangkan di ruangan pembaca akhbar *Utusan Melayu* pada tahun 1916.²³ Penentangan terhadap riba berlaku sekali lagi antara tahun 1920-1921. Satu pertemuan telah diadakan di Istana Sultan Iskandar Shah di Perak pada Jun 1922 dengan kehadiran beberapa

orang tokoh ulama. Akhirnya, sebuah fatwa yang membenarkan pembayaran dan penerimaan faedah daripada koperasi selagi objektifnya adalah untuk menjaga kebajikan orang Melayu dan melindungi mereka daripada eksploitasi pemiutang telah dikeluarkan. Fatwa tersebut telah dikeluarkan berdasarkan fatwa yang dibuat oleh Mufti Besar Mesir, Sheikh Muhammad Abduh yang menghalalkan urusan niaga Skim Simpanan Pejabat Pos di Mesir.²⁴ Pada tahun 1928, dalam satu majlis debat yang diadakan di Sri Menanti, Negeri Sembilan tentang masalah faedah koperasi, Haji Abbas Mohd. Taha sekali lagi mempertahankan pandangan beliau tentang isu riba.²⁵

Isu riba ini, walau bagaimanapun, masih berlarutan meskipun fatwa telah dikeluarkan. Tuan Hussein Kedah al-Banjari, pengasas Madrasah Taufiqiah al-Khairiah, Padang Lumat, Yan, Kedah merupakan antara tokoh yang menentang keras amalan riba dalam urusan pinjam-meminjam di Tanah Melayu. Apabila Sheikhul Islam Kedah, Haji Wan Sulaiman mengeluarkan fatwa yang menghalalkan faedah yang diberikan oleh koperasi dalam tahun 1926, beliau dengan keras menentangnya. Pendirian Tuan Hussein Kedah al-Banjari mempunyai pengaruh yang amat besar kepada masyarakat Kedah pada ketika itu. Beliau tetap mempertahankan pandangan bahawa riba adalah haram walaupun pernah ditemui oleh Haji Wan Sulaiman yang menasihatkan beliau agar menerima fatwa yang telah dikeluarkan.²⁶

Bagi memastikan wang perbelanjaan menunaikan haji bebas daripada sebarang unsur riba, orang Melayu di luar bandar sering menggunakan keratan-keratan buluh berongga yang dipanggil 'tabong' atau 'tabong pekak' sebagai peti wang bagi tujuan penyimpanan tunai. Keratan buluh tersebut disorok di celah dinding rumah, di bawah papan lantai, di celah lipatan kain, di atap rumah, di bawah tilam atau ditanam di dalam tanah.²⁷ Kaedah ini ternyata kurang selamat kerana terdedah kepada risiko kecurian, kebakaran, penyusutan nilai mata wang dan dimakan serangga selain mengambil masa yang panjang untuk mengumpulkan wang tunai. Vredenburg mencatatkan bahawa di Indonesia, seorang petani mengambil masa lebih 25 tahun, iaitu simpanan seumur hidup bagi mencukupkan perbelanjaan ke Tanah Suci.²⁸

Emas dalam bentuk barangan perhiasan juga merupakan bentuk simpanan yang digemari oleh orang Melayu kerana ianya boleh ditukar ke dalam bentuk tunai untuk naik haji. Barangan kemas tersebut akan dijual di Tanah Suci sekiranya mereka kehabisan wang. Hajah Umi Kulsom Kulop Mamat yang pergi ke Tanah Suci bersama-sama suaminya dan anak-anak pada tahun 1936 serta menetap di sana selama 12 tahun terpaksa menjual barangan kemas berbentuk emas paun bagi menampung kos sara hidup di Tanah Suci kerana wang kiriman dari Tanah Melayu telah terputus ekoran meletusnya Perang Dunia Kedua.²⁹ Bagi Che Putih Said yang mengerjakan haji pada tahun 1969, beliau juga menjual barangan kemas untuk membiayai tambang kapal sebanyak \$1,900.00.³⁰

Satu lagi kaedah penyimpanan adalah mengamanahkan wang naik haji kepada Tok Guru pondok kerana beliau merupakan orang yang dipercayai dan dihormati oleh masyarakat. Wang tersebut akan diambil semula oleh bakal haji apabila tiba masanya untuk berlepas ke Tanah Suci.³¹ Terdapat juga segelintir yang menyerahkan wang simpanan kepada sheikh haji yang bakal menguruskan pemergian mereka ke Tanah Suci. Namun begitu, masalah seringkali timbul apabila berlaku kematian sama ada sheikh haji atau tuan empunya wang.³² Sehubungan dengan itu, Pejabat Pemungut Hasil Tanah, Pulau Pinang pernah mengesyorkan agar usaha bersungguh-sungguh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menasihati dan memberi panduan kepada bakal haji dari kawasan luar bandar agar tidak mudah mengamanahkan wang mereka kepada orang yang tidak bertanggungjawab.³³

Selain kaedah tabungan yang dibincangkan di atas, satu lagi cara yang kerap digunakan oleh orang Melayu untuk mengumpul wang bagi tujuan naik haji adalah melalui penjualan tanah. Dalam tahun 1894, terdapat segelintir orang Melayu di Lenggong, Negeri Sembilan menjual tanah sawah mereka untuk tujuan mengerjakan haji tetapi akhirnya terpaksa menyewa kembali tanah tersebut sekembalinya mereka dari Makkah. Sebagai contoh, Moia Suloh telah menjual lapan ekar tanah sawah

milik beliau pada harga \$40.00 seekar dan Malim Kaya Bajinda menjual empat ekar tanah sawah pada harga \$41.00 seekar.³⁴ Sementara itu, Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merekodkan permohonan Abdul Rani Hj. Abdul Samad Khatib pada tahun 1935, yang memohon bantuan geran kerajaan bagi tujuan naik haji. Abdul Rani memaklumkan bahawa beliau telah menjual tanah kebun getahnya dengan harga \$400.00 untuk ke Tanah Suci.³⁵

Meskipun tanah merupakan sumber ekonomi yang penting bagi masyarakat Melayu luar bandar, pemilikannya sering dikaitkan dengan isu kemiskinan. Hal ini berpunca daripada kurangnya kesedaran dan pengetahuan tentang penggunaan tanah dalam kegiatan ekonomi moden. Mereka masih mengusahakan tanah secara tradisi yang membabitkan unsur-unsur adat. Penglibatan masyarakat Melayu luar bandar sama ada dalam tanaman getah ataupun padi hanyalah sekadar sebagai pekebun kecil yang memiliki keluasan tanah yang amat terhad. Keluasan tanah ini hanya cukup untuk keperluan sara hidup sekeluarga dan mempunyai lebih pendapatan yang terlalu kecil untuk tabungan. Di Port Dickson dan Seremban umpamanya, sehingga akhir tahun 1916, keluasan tanah yang diberikan kepada setiap pemohon Melayu tidak melebihi dua hingga empat ekar. Sementara bagi tanah getah pula, keluasan tanah yang dimiliki oleh orang Melayu hanya dalam lingkungan dua hingga tiga ekar sahaja.³⁶ Menurut Syed Husin penjualan dan penggadaian tanah oleh orang Melayu sering berlaku disebabkan tertarik dengan tawaran harga yang tinggi oleh spekulator tanah.³⁷

Ungku Abdul Aziz pernah menyuarakan ketidakpuasan hati beliau terhadap penjualan tanah bagi tujuan menunaikan haji yang disifatkan beliau memberikan kesan buruk kepada ekonomi orang Melayu terutamanya di kawasan luar bandar.³⁸ Terdapat juga segelintir orang Melayu yang menjual tanah pusaka yang diwarisi daripada kedua-dua orang tua atau suami bagi membiayai perbelanjaan naik haji. Oleh kerana tanah yang ditinggalkan tidaklah luas dan setiap pewaris menerima keluasan tanah yang sangat kecil, segelintir mereka lebih cenderung menjualkan tanah tersebut berbanding mengusahakannya. Kadang kala tanah pusaka yang ditinggalkan agak luas, namun perbalahan yang timbul tentang pembahagiannya menyebabkan tanah tersebut dijual dan hasil jualannya dibahagikan sesama pewaris.³⁹ Tindakan menjual tanah bagi tujuan mengerjakan ibadah haji menerima kritikan seorang penulis, “Anak Negeri” dalam *Majallah Guru*.

Orang-orang kita, Jawa dan Sumatera yang selalu gemar menjualkan tanahnya kerana hendak naik haji buat mengambil serban dan kopiah putih wajiblah berfikir lebih jauh. Janganlah disebabkan berkehendak gelaran haji tanahair kita dilucutkan kepada ceti atau dihumbankan ke tangan Cina atau Keling.⁴⁰

Satu lagi kaedah yang sering digunakan oleh orang Melayu bagi membiayai perbelanjaan ke Tanah Suci ialah jual janji. Kaedah ini sangat popular di utara Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya di Perlis, Kedah dan Kerian, Perak pada sekitar tahun 1870-an. Walau bagaimanapun, perjanjian jual janji di Perlis dan Kerian, Perak mempunyai sedikit perbezaan. Pinjaman jual janji di Kerian boleh diselesaikan pada bila-bila masa sahaja sekiranya tiada tempoh yang ditetapkan tetapi hak pemilikannya menjadi milik pemiutang selagi hutang belum dilangsaikan. Sebaliknya di Perlis setiap perjanjian jual janji mesti ditetapkan tempohnya.⁴¹ Hajah Umi Kulsom Kulop Mamat yang mengerjakan haji pada tahun 1936, mendapatkan wang perbelanjaan naik haji dengan menjual janji kebun getahnya seluas 1½ ekar. Namun begitu, apabila kembali ke tanah air pada tahun 1948 setelah bermukim di Makkah selama 12 tahun, si pemiutang telah menaikkan harga tanah tersebut dengan alasan harga tanah di pasaran telah berubah. Beliau dan suaminya enggan menebus kembali tanah tersebut kerana si pemiutang telah memungkirkan perjanjian asal. Tanah tersebut kemudiannya telah dijual oleh si pemiutang kepada orang lain

Keengganan orang Melayu untuk terlibat dengan riba juga telah membawa mereka kepada sistem jual janji apabila mereka telah mengikat kontrak dengan menukar hak milik rumah atau tanah bagi tempoh tertentu bagi mendapatkan wang tunai. Kebiasaannya, jumlah pinjaman lebih rendah daripada nilai sebenar harta yang ditukar hak milik. Hal ini menunjukkan peminjam tidak berniat untuk menjual hartanya. Kedua-dua pihak berjanji hak pemilikan tersebut akan diserahkan kembali kepada si peminjam sekiranya bayaran pinjaman penuh dilakukan dalam jangka waktu yang telah dipersetujui, kebiasaannya tiga tahun. Perjanjian biasanya dilakukan secara bertulis dengan menurunkan tandatangan atau cap jari pada dokumen perjanjian di hadapan seorang saksi. Sekiranya peminjam gagal melaksanakan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan, tanah tersebut akan diserahkan secara mutlak kepada si pemiutang melalui proses yang dijalankan di Pejabat Tanah.⁴³ Si penghutang kemudiannya terpaksa menyewa kembali tanah yang telah ditukar hak milik tersebut bagi memperoleh pendapatan harian. Dalam amalan jual janji, orang yang berhutang merupakan pihak yang menanggung kerugian kerana bukan sahaja terpaksa melepaskan tanahnya dengan harga yang jauh lebih murah berbanding harga pasaran, tetapi juga terpaksa membayar sewa tanah pada setiap musim. Seringkali terjadi, si penghutang gagal melangsaikan pinjaman sekali gus berhadapan risiko kehilangan tanah tersebut. Walau bagaimanapun, sistem jual janji ini tidak dilarang dalam Akta Tanah Rizab Melayu.⁴⁴

Pemilikan binatang ternakan juga merupakan salah satu kaedah penyimpanan harta yang paling digemari oleh orang Melayu.⁴⁵ Apabila orang Melayu memiliki sejumlah wang melalui tabungan, mereka akan membeli binatang ternakan terutamanya lembu atau kerbau. Binatang ternakan ini boleh dijual ketika wujudnya keperluan terhadap wang tunai bagi tujuan naik haji. Kaedah penyimpanan ini, walau bagaimanapun, mempunyai pelbagai risiko seperti serangan penyakit, serangan binatang buas, nilai pasaran yang tidak menentu dan keperluan terhadap tenaga kerja yang lebih untuk memelihara ternakan tersebut.⁴⁶ Di Negeri Sembilan sekitar tahun 1890-an, misalnya, hasil penjualan ternakan kerbau, kambing dan ayam itik membolehkan masyarakat Melayu melangkah kaki ke Tanah Suci yang ketika itu menelan belanja \$200.00 seorang. Pada tahun 1892, dikatakan 1% daripada keseluruhan masyarakat Melayu di Jelebu mampu menunaikan haji setiap tahun lantas menjadikan perbelanjaan keseluruhan bagi kawasan tersebut sahaja telah mencecah \$6000.00 setahun untuk tujuan tersebut⁴⁷

Secara amnya, kaedah penyimpanan wang bagi tujuan perbelanjaan haji orang Melayu di luar bandar berbeza mengikut pekerjaan mereka. Rata-rata jemaah haji berketurunan Banjar di Kerian dan jemaah haji Melayu di Kedah yang ditemubual membiayai perbelanjaan haji mereka melalui hasil tanaman padi. Tuan Guru Haji Sabran Asmawi yang menunaikan haji pada tahun 1948, misalnya, menggunakan hasil tanaman padi dan getah yang pada ketika itu berharga sekitar 50 sen segantang dan getah 20 sen sekati.⁴⁸ Haji Masri Haji Hasan yang menunaikan haji pada tahun 1953 juga membiayai perbelanjaan haji dengan menggunakan hasil penjualan padi sebanyak 12 relung dengan kadar segantang 70 sen.⁴⁹ Haji Ayob Saad dari Kedah pula membiayai perbelanjaan haji pada tahun 1968 melalui hasil padi sebanyak 13 relung dengan kadar \$1.00 segantang.⁵⁰ Menariknya, terdapat juga segelintir orang Melayu yang mengutip khairat zakat padi untuk mencukupkan perbelanjaan mereka untuk ke Makkah. Hal ini sering berlaku di negeri-negeri utara Semenanjung Tanah Melayu. Permohonan zakat padi untuk tujuan ke Tanah Suci, misalnya, pernah dilakukan oleh Abdullah Abbas Nasution, Mudir Madrasah Ihya' Al-Ulum, Tanjung Pauh, Jitra, Kedah.⁵¹

Menariknya, usaha mendapatkan pembiayaan naik haji lebih mudah bagi pegawai kerajaan kerana mereka diberikan kemudahan memohon bantuan tambang percuma pergi balik ke Tanah Suci daripada kerajaan negeri masing-masing. Amalan kerajaan memberi pendahuluan gaji atau pencen selama enam bulan bagi tujuan mengerjakan ibadah haji dipercayai telah bermula sejak 1920-an. Perkara tersebut dapat ditelusuri melalui permohonan Wan Mat, bilal Masjid Pasir Pelangi, Johor yang telah berkhidmat sejak tahun 1920. Permohonan beliau telah diluluskan oleh kerajaan negeri

Johor dan beliau diberikan wang pendahuluan gaji sebanyak enam bulan berjumlah \$240.00. Gaji bulanan beliau ialah \$30.00, manakala elaun bulanan yang diterima ialah \$10.00.⁵²

Berkaitan hal di atas, kajian yang dilakukan oleh Nabihah menunjukkan wujudnya penglibatan kerajaan negeri dalam proses pemergian orang Melayu ke Tanah Suci.⁵³ Pada tahun 1936, Majlis Mesyuarat Negeri Johor yang turut dianggotai oleh Dato' Onn Jaafar telah meluluskan peruntukan cuti serta bantuan ihsan tambang pergi balik ke Tanah Suci kepada 10 orang pegawai Melayu Kerajaan Negeri Johor.⁵⁴ Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor juga turut merekodkan pelbagai permohonan daripada penjawat awam untuk tujuan naik haji. Inche Md. Yasin Hj. Abdul Latiff, misalnya, pernah memohon cuti selama enam bulan untuk urusan ke Tanah Suci. Beliau juga telah menerima pendahuluan pencen sebanyak \$680.00 dengan mencagarkan sebidang tanah seluas 2 rod 6 pol dan sebuah rumah.⁵⁵ Selain itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor turut merekodkan permohonan pendahuluan pencen untuk ke Makkah oleh Ungku Zubaidah pada tahun 1937.⁵⁶

Kemudahan-kemudahan ini turut diberikan oleh kerajaan negeri Selangor, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Dalam tahun 1937, Peraturan Umum Kerajaan Tanah Jajahan telah memberikan kemudahan cuti bergaji penuh kepada pegawai kerajaan untuk mengerjakan ibadah haji bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dan empat bulan setengah bagi guru dengan beberapa syarat tertentu. Antaranya, pegawai tersebut harus berkhidmat selama 15 tahun dan tidak pernah mengambil cuti separuh gaji selain atas alasan sakit yang berpanjangan.⁵⁷ Pada tahun 1949, Kesatuan Kerani-kerani Kerajaan Negeri Kedah telah mengemukakan cadangan agar pihak kerajaan memberikan tambang ke Makkah bagi isteri dan anak-anak pegawai kerajaan seperti kemudahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Inggeris yang pulang ke Eropah. Mereka mencadangkan agar tambang kelas 3 diberikan kepada seorang isteri bagi pegawai yang gajinya kurang daripada \$200.00 dan telah bekerja tidak kurang daripada 10 tahun. Bagi pegawai yang bergaji lebih daripada \$200.00 dan telah bekerja lebih daripada 20 tahun mereka diberikan tambang kepada seorang isteri dan seorang orang gaji. Selain diberikan pendahuluan gaji selama enam bulan, kesatuan juga mencadangkan agar rumah kerajaan yang diduduki oleh pegawai terbabit dikecualikan bayaran selama mereka berada di Tanah Suci.⁵⁸

Menariknya, terdapat juga segelintir orang Melayu yang terpaksa berhutang bagi membolehkan mereka menunaikan ibadah haji. Mereka kemudiannya terpaksa menjadi 'orang berhutang' setelah hutang tersebut tidak berjaya dilangsaikan. Pada 1876, seorang saksi bernama Haji Mat Kassim yang dihadapkan ke Suruhanjaya Penyiasatan Negeri Perak⁵⁹, memberikan keterangan bahawa seorang lelaki bernama Haji Idris merupakan hamba yang beliau warisi daripada bapanya. Hamba tersebut telah meminjam wang sebanyak \$600.00 daripada bapa saksi ketika mereka bersama-sama mengerjakan ibadah haji di Makkah.⁶⁰

Seperkara yang menarik tentang sumber kewangan orang Melayu bagi merealisasikan cita-cita mereka untuk menunaikan ibadah haji ialah pinjaman yang dilunaskan melalui upah kerja. *Alsagoff Singapore Steamship Company* yang beroperasi di Singapura, misalnya, telah membuat perjanjian dengan jemaah haji yang terkandas di Hejaz untuk membawa mereka pulang ke Tanah Melayu. Bagi melunaskan pinjaman, jemaah haji dikehendaki mengikat kontrak bekerja sebagai buruh di ladang-ladang milik syarikat tersebut sehingga hutang berjaya dilangsaikan.⁶¹

Syarikat Alsagoff telah membawa bakal haji dan buruh yang bekerja di ladangnya di Kukub, Johor ke Makkah dengan kapalnya sendiri.⁶² Perkara tersebut merupakan salah satu daya tarikan bagi menarik lebih ramai buruh bekerja di ladang-ladang milik syarikat tersebut. Pada tahun 1874, seramai 3,476 orang jemaah haji telah dibawa ke Makkah dengan menggunakan empat buah kapal dan 2,250 orang daripadanya adalah jemaah haji Hindia Timur Belanda.⁶³ Menurut Khazin Mohd. Tamrin, Tanah Melayu, terutamanya Selangor, sering menjadi tumpuan masyarakat Jawa yang ingin mendapatkan wang bagi membiayai perbelanjaan ke Tanah Suci.⁶⁴ Di Selangor, masyarakat Jawa

yang berpeluang membuka penempatan mereka sendiri akan menjual tanah atau kebun yang mereka usahakan di awal kedatangan mereka untuk membiayai perjalanan haji. Sekembalinya dari Tanah Suci, mereka akan mencari kesempatan untuk menziarahi kaum keluarga di Jawa bagi mewarwarkan pemergian mereka ke Makkah. Perkara tersebut selari dengan pandangan Ramsay yang menyifatkan bahawa tindakan tersebut telah mencetuskan keinginan saudara-mara dan sahabat-handai untuk turut berhijrah ke Tanah Melayu bagi mengumpulkan wang untuk tujuan naik haji⁶⁵ Malangnya, sejauh mana keterlibatan orang Melayu tempatan sebagai hamba berhutang tidak dapat dipastikan kerana ketiadaan data yang lengkap mengenainya tetapi daripada 107 orang jemaah haji yang mengikat perjanjian sebagai hamba berhutang pada tahun 1898, 17 orang daripadanya adalah rakyat di bawah jajahan British.⁶⁶ Peranan syarikat ini semakin ketara pada akhir abad ke-19 apabila syarikat ini memperkenalkan *contract-tickets* dalam bentuk pinjaman kepada jemaah haji sebagai ganti wang tunai bagi tujuan keselamatan.⁶⁷

Isu-isu Berkaitan Perbelanjaan Jemaah Haji

Kos perbelanjaan ke Tanah Suci Makkah sebelum tahun 1970-an ketika mod pengangkutan utama adalah melalui kapal laut agak rendah dan malar sepertimana Jadual 1.2. Namun begitu, pengiraan anggaran kos berkenaan secara tepat agak sukar dilakukan berikutan penggunaan mata wang asing di Hejaz yang pelbagai dan tidak seragam. Sebelum Riyal Saudi diperkenalkan pada tahun 1928, mata wang kerajaan Uthmaniyyah iaitu Riyal Majidi digunakan secara meluas di Hejaz. Pada musim haji 1924, kadar pertukaran 1 Majidi adalah bersamaan dengan \$1.00 (*Straits Dollar*). Selain Riyal Majidi, *The British Sovereign* (£gold) dan *Indian Rupees* turut digunakan di Hejaz. Kos perbelanjaan haji pada tahun 1924 merangkumi harga tambang termasuk bayaran kuarantin (\$85.00-\$105.00), pemindahan dari kapal di Pelabuhan Jeddah sehingga ke rumah penginapan sementara (\$5), sewa unta dari Jeddah ke Makkah (\$20.00), sewa unta dari Arafah ke Makkah (\$9.00), duit jamu di Arafah (\$40.00), bayaran perjalanan balik ke Jeddah (\$25.00) bayaran menaiki kapal (\$10.00) dan bayaran perjalanan dari Jeddah ke Madinah (\$80.00) menjadikan jumlah keseluruhan \$294. Jemaah haji juga perlu bersiap sedia dengan wang lebihan sebanyak 10% sebagai persediaan sekiranya terdapat sebarang bentuk pemerasan dan bagi menampung kos makan minum sepanjang berada di Makkah. Jumlah tersebut tidak termasuk pembelian barangan di Jeddah, Makkah dan Madinah.⁶⁸ Perkara tersebut selari dengan kenyataan Abdul Majid, Pegawai Haji Tanah Melayu pertama yang menyarankan agar orang Melayu harus memiliki simpanan sekurang-kurangnya \$500.00 sehingga \$600.00 sebelum memikirkan untuk menunaikan haji. Mereka juga harus memastikan bahawa segala kewajipan nafkah terhadap isteri, anak-anak atau tanggungan yang lain dapat diuruskan sepanjang ketiadaan mereka mengerjakan haji.⁶⁹

Jadual 1.2: Kos Perbelanjaan Haji Minimum bagi Orang Melayu, 1875-197

Tahun	Jumlah (\$)	Tahun	Jumlah (\$)	Tahun	Jumlah (\$)	Tahun	Jumlah (\$)
1875-95	300	1931	500	1941-45	Perang Dunia II	1959	1,680
1895-1922	Tiada data	1932	550-650	1946	1,470	1960	1,640
1923	680	1933	550-600	1947-48	1,500	1961-68	1,500-1,700
1924	500	1934	600	1949	1,500	1969-71	1,640
1925	Tiada data	1935	480	1950-51	1,500	1972	1,650

Isu Tabungan Orang Melayu dalam Sejarah Pengerjaan Haji Era Kapal Laut

1926	500	1936	400	1952	1,620	1973	1,790
1927	500-600	1937	500	1953	1,860	1974	2,050
1928	600	1938	550	1954-55	1,660	1975	4,090
1929	900	1939	625	1956	Tiada data	1976	4,525
1930	500-600	1940	640	1957-58	1,670	1977	4,500

Sumber: McDonnell (1986) dan Aiza Maslan @ Baharudin (2009).

Saranan yang dibuat oleh Abdul Majid sebenarnya berkait rapat dengan masalah yang sering timbul dalam kalangan jemaah haji yakni terputus wang perbelanjaan semasa berada di Hejaz sehingga mereka terpaksa meminjam malah ada yang hidup dalam kesempitan. Keadaan tersebut berlaku berikutan ketiadaan maklumat awal tentang jumlah sebenar cukai yang dikenakan oleh kerajaan Arab Saudi dan kos-kos lain yang dikenakan sepanjang berada di Hejaz. Isu ini pernah mendapat perhatian Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, Nik Ismail Nik Mahmood. Pada tahun 1930, Nik Ismail mencadangkan agar kerajaan Arab Saudi mengemukakan tarif perbelanjaan yang perlu dibayar oleh jemaah haji sepanjang berada di Hejaz kepada kerajaan negeri-negeri di Tanah Melayu sebelum bulan Jamadilakhir pada setiap musim haji. Maklumat perbelanjaan ini akan memudahkan bakal-bakal haji membuat persediaan kewangan yang sewajarnya.⁷⁰ Saranan tersebut disokong oleh Abdul Majid yang berpendapat bahawa pihak kerajaan Tanah Melayu harus memberikan anggaran jumlah minimum perbelanjaan yang mencukupi sebelum jemaah haji meninggalkan kampung halaman masing-masing untuk ke pelabuhan berlepas. Hasil saranan tersebut, Majlis Ugama Islam Kelantan telah menetapkan bahawa setiap bakal haji Kelantan perlu menyediakan kadar minimum sebanyak \$500.00 bagi mereka yang hanya ingin mengerjakan ibadat haji di Makkah sahaja dan \$600.00 bagi mereka yang turut berhasrat menziarahi Madinah. Bagi mereka yang tidak mampu berbuat demikian, passport haji tidak akan dikeluarkan.⁷¹

Selain itu, perkara yang sering menjadi fokus laporan Pesuruhjaya Haji Tanah Melayu ialah ketiadaan sistem kawalan kadar pertukaran mata wang asing di Hejaz menyebabkan perubahan drastik terhadap kadar tersebut secara harian. Pada musim haji 1949, misalnya, empat kumpulan pertama jemaah haji Tanah Melayu yang tiba di Hejaz menerima kadar pertukaran mata wang yang berbeza-beza. Kumpulan pertama yang tiba pada 9 April 1949 harus membayar lebih 5s dengan kadar £1 gold = £4.10s berbanding kumpulan kedua yang tiba pada 4 Julai 1949 kadar £1 gold = £4.5s. Manakala, bagi kumpulan ketiga dan keempat yang tiba pada 27 Julai dan 30 Julai 1949 terpaksa menerima pertukaran mata wang dalam Indian Rupees dengan kadar £1 = Indian Rupees 13.6 annas kerana ketiadaan £ gold pada hari-hari berkenaan. Perkara tersebut merupakan helah pihak bank berikutan jumlah jemaah haji yang semakin ramai, sekali gus melonjakkan permintaan terhadap £ gold.⁷²

Jemaah haji Tanah Melayu yang tiba sebelum bulan Syawal berhadapan dengan lonjakan harga barangan di pasaran yang menunjukkan kadar kenaikan drastik secara harian sepanjang dua bulan awal berada di Hejaz. Para peniaga mengambil kesempatan menjana keuntungan daripada kumpulan jemaah haji terawal tiba berikutan perniagaan yang agak suram sebelum musim haji bermula. Pada bulan Syaaban dan Ramadan, iaitu pembukaan musim haji, sara hidup di Hejaz sangat tinggi. Kos sara hidup tersebut merudum buat sementara waktu pada bulan Syawal sebelum melonjak kembali pada bulan Zulkaedah dengan ketibaan lebih ramai jemaah haji dari Mesir, India dan negara-negara Arab yang lain sehinggalah berakhirnya musim haji. Kadar minimum \$560.00 bersamaan £67½ dalam bentuk draf bank atau cek pelancong yang dibenarkan oleh kerajaan Tanah Melayu sebagai wang saku bagi tempoh lima bulan di Hejaz terbukti tidak mencukupi. Kadar tersebut hanya mampu menampung keperluan jemaah haji bagi tempoh tiga bulan sahaja berikutan peningkatan kos sara hidup sebanyak 30% berbanding tahun sebelumnya. Jemaah haji juga tidak dibenarkan membawa keluar wang tunai melebihi \$45.00 dari Persekutuan Tanah Melayu. Berikutan keadaan mencabar yang dihadapi oleh jemaah haji Tanah Melayu, Pesuruhjaya Haji Tanah Melayu menyarankan agar jemaah haji Tanah

Melayu mengikuti ketetapan yang dibuat oleh Mesir, Indonesia, India dan negara-negara Arab yang hanya membenarkan jemaah haji meninggalkan negara masing-masing pada bulan Syawal. Jemaah haji Tanah Melayu turut disarankan memulakan pelayaran pada pertengahan atau akhir bulan Syawal dan hanya berada di Hejaz selama tiga bulan, sekali gus menyelamatkan mereka daripada pemerasan harga barangan yang tinggi pada bulan Syaaban dan Ramadan.

Kesimpulan

Secara kesimpulan, pengerjaan ibadat haji oleh orang Melayu sering ditafsirkan oleh pengkaji Barat sebagai faktor yang mendorong orang Melayu dibelenggu kemiskinan, khususnya pada era pelayaran kapal laut yang belum benar-benar teratur dari segi pengurusannya. Pentafsiran tersebut dikaitkan dengan amalan beragama dan kaedah penyimpanan wang orang Melayu, sekali gus menjadikannya sasaran kecaman pelbagai pihak. Keadaan tersebut juga dikaitkan dengan keengganan orang Melayu terlibat dengan isu riba menyebabkan mereka menggunakan pelbagai kaedah penyimpanan wang secara tradisonal bagi tujuan menyempurnakan ibadat haji. Perkara tersebut sekali lagi mengundang reaksi negatif pelbagai pihak yang menyifatkan orang Melayu kurang menghargai pemilikan tanah dan tidak memanfaatkan kepelbagaian ekonomi luar bandar bagi tujuan menambahkan tabungan wang. Walau apapun perdebatan yang timbul, melalui kaedah penyimpanan wang secara tradisional tersebut telah membolehkan orang Melayu mencapai cita-cita mereka untuk menyempurnakan rukun Islam kelima, sekali gus mencapai suatu bentuk kepuasan dalam amalan beragama. Malah terbukti cabaran-cabaran yang dihadapi, contohnya, terputus wang dan hidup melarat semasa menunaikan haji ataupun selepas kembali ke tanah air juga turut berpunca daripada masalah mata wang yang tidak seragam di Hejaz dan kurang panduan yang jelas dan teratur samada di pihak kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan Arab Saudi tentang kos perbelanjaan jemaah haji sepanjang berada di Tanah Suci. Sekurang-kurangnya sehingga pengenalan Tabung Haji pada tahun 1963, maklumat atau panduan tentang urusan haji lebih merupakan inisiatif syeikh-syeikh haji serta kerajaan negeri masing-masing.

Penghargaan

Kajian ini telah ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan kod: FRGS/1/2021/SS10/USM/02/4.

Nota

¹ T. N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, New York: Cambridge University Press, 1999, hlm. 27.

² Mary Byrne McDonnell, *The Conduct of Hajj from Malaysia and Its Socio-Economic Impact on Malay Society: A Descriptive and Analytical Study, 1860-1981*, Phd Dissertation, Columbia University, 1986 dan W. R. Roff, "Sanitation and Security: The Imperial Powers and the Nineteenth Century Hajj". In *Arabian Studies* VI, London: Scorpion Communications, 1982, hlm. 81-112.

³ Abdul Kadir Haji Din, "Economic Implications of Moslem Pilgrimage from Malaysia", *Contemporary Southeast Asia*, 1982, 4(1), hlm. 62.

⁴ J. H. Drabble, *An Economic History of Malaysia, c.1800-1990 The Transition to Modern Economic Growth*, New York: St. Martin's Press, 2000, hlm. 37-38.

⁵ E. K. Fisk, "Features of the Rural Economy". In Silcock, T. H. and Fisk, E. K. (eds.). *The Political Economy of Independent Malaya, a Case Study in Development*, Australia: Eastern Universities Press, 1963, p. 171 dan Syed Husin Ali, "Land Concentration and Poverty Among the Rural Malays", *Nusantara*, 1972, 1, hlm. 100.

Isu Tabungan Orang Melayu dalam Sejarah Pengerjaan Haji Era Kapal Laut

- ⁶ Nabihah Hj. Hassan, *Sejarah Pengerjaan Haji Orang-orang Tanah Melayu Tumpuan Kajian di antara Tahun 1900-1940*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978, hlm. 85.
- ⁷ “The Pilgrims and Pilgrim Ships Enactment”, 1930, Federated Malay States, Enactment No. 7 of 1930”, hlm. 1-2.
- ⁸ W. R. Roff, “The Conduct of Hajj from Malaya and The First Malay Pilgrimage Officer”, *SARI*, No. 1, 1975, hlm. 87.
- ⁹ Sistem pas haji mula dilaksanakan di Tanah Melayu pada tahun 1924 bagi memudahkan Konsul British di Jeddah mendaftarkan jemaah haji Melayu menggantikan tiket-tiket kapal haji yang digunakan bagi berkenaan. Lihat Mary Byrne McDonnell, *The Conduct of Hajj*, hlm. 225.
- ¹⁰ *Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee*, 1962. Federation of Malaya, Kuala Lumpur: Government Printing Office, hlm. 3.
- ¹¹ Lim Teck Ghee, *Peasant and the Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, London: Oxford University Press, 1977, hlm. 238.
- ¹² Zainal Abidin Abd. Wahid et al., *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1993, hlm. 74-75.
- ¹³ C. Gamba, “Poverty and Some Socio-Economic Aspects of Hoarding, Saving and Borrowing in Malaya”, *The Malayan Economic Review*, 1958, 3(2), hlm. 33-62.
- ¹⁴ B. K. Parkinson, “Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays”, *Modern Asian Studies*, 1967, 1(1), hlm. 35.
- ¹⁵ F. R. von der Mehden, “Religion and Development in Southeast Asia: A Comparative Study”, *World Development*, 1980, 8, hlm. 545-553.
- ¹⁶ Syed Husin Ali, “Land Concentration and Poverty”, hlm. 110-111.
- ¹⁷ Ungku Abdul Aziz, “Facts and Fallacies About the Malay Economy”, *Ekonomi*, 1962, 3(1), hlm. 12-22.
- ¹⁸ Abdul Kadir Haji Din, “Economic Implications”, hlm. 66.
- ¹⁹ T. N. Harper, *The End of Empire*, hlm. 235.
- ²⁰ *Report of the Pilgrims Economic Welfare Committee*, hlm. 7.
- ²¹ M. G. Swift, “Economic Concentration and Malay Peasant Society”. Dlm Freedman, M. (ed.), *Social Organisation: Essays Presented to Raymond Firth*, London: Frank Cass and Company, 1967, hlm. 249.
- ²² Awang Had Saleh, “Modern Concept of Hajj Management: The Experience of Malaysia”. Dalam Sardar, Z. dan Zaki Badawi, M.A. (eds.). *Hajj Studies*, London: Croom Helm, 1979, hlm. 75.
- ²³ A. Gordon, (ed.), *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hadi*, Kuala Lumpur: MSRI, 1999, hlm. 75-76 dan 130.
- ²⁴ Khoo Kay Kim, *Malay Society: transformation & democratization: a stimulating and discerning study on the evolution of Malay Society*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 2001, hlm. 210-213.
- ²⁵ A. Gordon, *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hadi*, hlm. 30.
- ²⁶ Abdul Ghani Said, *7 Wali Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hikmah, 1993, hlm. 143-144.
- ²⁷ C. Gamba, “Poverty and Some Socio-Economic Aspects”, hlm. 38.
- ²⁸ J. Vredendregt, “The Haddj”. *Bijdragen tot de taal-land-en volkenkunde*, 1962, 118, hlm. 135.
- ²⁹ Temubual dengan Hajah Umi Kulsom binti Kulop Mamat, Batu 18, Kampung Padang Assam, Padang Rengas, Perak, 14 Mac 2005.
- ³⁰ Idris Musa dan Fauzi Rahim Mustafa, “Lanun Geledah Kapal Haji”. *Harian Metro*, 10 November 2006.
- ³¹ Rahim Abdullah, “Pelajaran Pondok di Kelantan”. Khoo Kay Kim (ed.) *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1983, hlm. 11.
- ³² Awang Had Saleh, “Modern Concept of Hajj Management”, hlm. 75.
- ³³ Muhammad Saleh Haji Awang (Misbaha), *Haji di Semenanjung Malaysia Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H (1886-1985M)*, Kuala Trengganu: Yayasan Islam Trengganu Sdn. Bhd., 1986, hlm. 235.

- ³⁴ Negeri Sembilan Secretariat File, RESDT 1344/97. Asks for a full report concerning the sales of land to Chinese Miners by Datoh Dagang & some Lenggong men.
- ³⁵ SUK Selangor Financial 434/1935, Application by Abdul Rani bin Hj. Abdul Samad Khatib, for a government grant to go to Mecca on Pilgrimage, 20 November 1935.
- ³⁶ Abd. Ghapa Harun, "Undang-undang Tanah Simpanan Melayu: Tinjauan Keatas Dasar British dan Implikasinya kepada Masyarakat Melayu Negeri Sembilan hingga Perang Dunia Kedua, *Jebat*, 1982, 11, hlm. 82-83.
- ³⁷ Syed Husin Ali, "Land Concentration and Poverty", hlm. 100.
- ³⁸ N. Nash, "Pilgrims' Progress, Asian Style", *Far Eastern Economic Review*, 1978, 102(46), hlm. 34.
- ³⁹ Syed Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 80-81.
- ⁴⁰ Anak Negeri, "Tanahair Kita", *Majallah Guru*, 1925, 6, hlm. 104.
- ⁴¹ Mokhzani Abdul Rahim, *Credit in A Malay Peasant Economy*, Kuala Lumpur: Arus Intelek, 2006, hlm. 205.
- ⁴² Temubual dengan Hajah Umi Kulsom binti Kulop Mamat.
- ⁴³ Mokhzani Abdul Rahim, *Credit in A Malay Peasant Economy*, hlm. 203-209.
- ⁴⁴ S. Gordon, "Contradictions in the Malay Economic Structure", *Intisari*, 1963, 1(2), hlm. 37.
- ⁴⁵ M. G. Swift, "Malay Peasants". In Lamber, Richard D. and Hoselitz, Bert F. (eds.). *The Role of Savings and Wealth in Soutern Asia and the West*, Paris: UNESCO, 1963, p. 232.
- ⁴⁶ M. G. Swift, "The Accumulation of Capital in A Peasant Economy". In Silcock, T. H. (ed.). *Readings in Malayan Economics*, Singapore: Donald Moore for Eastern Universities Press Ltd., 1961, hlm. 27.
- ⁴⁷ J. M. Gullick, "The Negri Sembilan Economy of the 1890's", *JMBRAS*, 1951, 24(1), hlm. 48.
- ⁴⁸ Temubual dengan Haji Sabran bin Asmawi, Alor Pongsu, Bagan Serai, Perak, 10 Februari 2006.
- ⁴⁹ Temubual dengan Haji Masri bin Haji Hassan, Sungai Rawa, Bagan Serai, Perak, 12 Disember 2005.
- ⁵⁰ Temubual dengan Haji Ayob bin Saad, Belakang Masjid Tengku Malik, Alor Binjai, Tajar, Alor Setar, Kedah, 21 Januari 2006.
- ⁵¹ Abdullah Abbas Nasution, *Suluhan ke Tanah Suci bagi Persediaan Jemaah Haji*, t.t., hlm. 1.
- ⁵² SUK Johor 1926, 892/1926, Titah Perintah Wan Mat Pergi ke Mekah, 7 Julai 1926.
- ⁵³ Nabihah Hj. Hassan, *Sejarah Pengerjaan Haji Orang-orang Tanah Melayu*, hlm.44.
- ⁵⁴ Jaafar Jusoh, *Perihal Pemergian ke Mekah dan Madinah iaitu Pelayaran dan Perjalanan ke Mekah al-Musyarrifah bagi Mengerjakan Haji dan ke Madinah al-Munawwarah bagi Ziarah Makam Rasulullah s.a.w dan Sahabat-sahabatnya*. Johor Bharu: Soo Ping, 1936, hlm. 4-5.
- ⁵⁵ SUK Johor 1936-1937, SS 3493/36, Salinan surat Inche Md. Yasin bin Hj. Abdul Latiff memohon cuti enam bulan, 24 September 1936.
- ⁵⁶ SUK Johor, SS3254/37, 1937. Permohonan Ikhsan Ungku Zubaidah Pendahuluan Pencen Untuk ke Mekah.
- ⁵⁷ "Muslim Pilgrimage", *Genuine Islam*, 1937, II(5), hlm. 36.
- ⁵⁸ SUK Kedah (SUK B, kotak 141), 2058/1946, Free Return Passages for Government Servants and Their Wives Proceeding on Pilgrimage to Mecca, 8 Mei 1949.
- ⁵⁹ Suruhanjaya Penyiasatan Negeri Perak merupakan sebuah suruhanjaya yang ditubuhkan bagi menyiasat tentang Perang Perak (1875-1876) dan dianggotai oleh tiga orang pesuruhjaya yang dilantik oleh Gabenor Negeri-Negeri Selat.
- ⁶⁰ Aminuddin Baki, "The Institution of Debt-Slavery in Perak", *Peninjau Sejarah*, 1966, 1(1), hlm. 2-3.
- ⁶¹ J. M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century the Beginning of Change*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 314-315.
- ⁶² A. Wright, & C. Wright, *Twentieth Century Impressions of British Malaya*, London: Lloyd's Great Britain Publishing Company Ltd., 1908, hlm. 707.
- ⁶³ A. Reid, *The Contest for North Sumatra Atjeh, the Netherlands and Britain 1858-1898*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969, hlm. 148.

- ⁶⁴ Khazin Mohd. Tamrin, *Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan, 1880-1940*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987, hlm. 48.
- ⁶⁵ A. B. Ramsay, "Indonesian in Malaya", *JMBRAS*, 1956, XXIX, hlm. 121-122.
- ⁶⁶ J. M. Gullick, *Malay Society*, hlm. 314-315.
- ⁶⁷ J. Vredembregt, "The Haddj", hlm. 129.
- ⁶⁸ British Adviser Kelantan 1924, 1039/24. Report compiled by Hj. Abdul Majid the Malay Pilgrimage Officer on the Pilgrimage 1924.
- ⁶⁹ Abdul Majid Zainuddin, "A Malay's Pilgrimage to Mecca", *JMBRAS*, 1926, IV(II), hlm. 269.
- ⁷⁰ SUK Kelantan 1937, 697/37, Surat daripada Dato' Perdana Menteri Paduka Raja, Kelantan, 6 November 1930.
- ⁷¹ British Adviser Kelantan 1930 K1958/1930. Results of certain informal inquiries made by him in course of his sojourn in Mecca during the pilgrimage season of 1348 (1929-1930).
- ⁷² FO 371/82698, Abdul-Rahim Tahir to the Federal Secretariat, Kuala Lumpur with copy of minute from Pilgrimage Commissioner to the British Embassy, Jeddah, 12 August 1949. In *Records of the Hajj: A Documentary History of the Pilgrimage to Mecca*, Archive Edition, 7.

Rujukan

- Abd. Ghapa Harun, 1982. "Undang-undang Tanah Simpanan Melayu: Tinjauan Keatas Dasar British dan Implikasinya kepada Masyarakat Melayu Negeri Sembilan hingga Perang Dunia Kedua, *Jebat* 11: 78-94.
- Abdul Ghani Said. 1993. *7 Wali Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hikmah.
- Abdul Kadir Haji Din. 1982. "Economic Implications of Moslem Pilgrimage from Malaysia", *Contemporary Southeast Asia* 4(1): 58-75.
- Abdullah Abbas Nasution. t.t. *Suluhan ke Tanah Suci bagi Persediaan Jemaah Haji*.
- Abdul Majid Zainuddin. 1926. "A Malay's Pilgrimage to Mecca", *JMBRAS* IV(II): 269-287.
- Aiza Maslan @ Baharudin. 2009. Dari Tabung Buluh ke Tabung Haji. 1850-1984. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Aminuddin Baki. 1966. "The Institution of Debt-Slavery in Perak", *Peninjau Sejarah* 1(1): 1-11.
- Anak Negeri. 1929. "Tanahair Kita", *Majallah Guru*, 6, 104-105.
- Awang Had Saleh. 1979. "Modern Concept of Hajj Management: The Experience of Malaysia". Dlm Sardar, Z. dan Zaki Badawi, M.A. (eds.). *Hajj Studies*, London: Croom Helm.
- British Adviser Kelantan. 1924. 1039/24. Report compiled by Hj. Abdul Majid the Malay Pilgrimage Officer on the Pilgrimage 1924.
- British Adviser Kelantan 1930 K1958/1930. Results of certain informal inquiries made by him in course of his sojourn in Mecca during the pilgrimage season of 1348 (1929-1930).
- Drabble, J. H. 2000. *An Economic History of Malaysia, c.1800-1990 The Transition to Modern Economic Growth*, New York: St. Martin's Press.
- Fisk, E. K., 1963. "Features of the Rural Economy". Dlm Silcock, T. H. and Fisk, E. K. (eds.). *The Political Economy of Independent Malaya, a Case Study in Development*. Australia: Eastern Universities Press.
- FO 371/82698. 12 August 1949. Abdul-Rahim Tahir to the Federal Secretariat, Kuala Lumpur with copy of minute from Pilgrimage Commissioner to the British Embassy, Jeddah. Dlm *Records of the Hajj: A Documentary History of the Pilgrimage to Mecca*, Archive Edition, 7.
- Gamba, C. 1958. "Poverty and Some Socio-Economic Aspects of Hoarding, Saving and Borrowing in Malaya", *The Malayan Economic Review* 3(2): 33-62.
- Gordon, A. (ed.) 1999. *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hadi*. Kuala Lumpur: MSRI.
- Gordon, S. 1963. "Contradictions in the Malay Economic Structure". *Intisari* 1(2): 30-38.

- Gullick, J.M. 1951. "The Negri Sembilan Economy of the 1890's". *JMBRAS* 24(1): 38-55.
- Gullick, J.M. 1987. *Malay Society in the Late Nineteenth Century the Beginning of Change*. Singapore: Oxford University Press.
- Harper, T. N, 1999. *The End of Empire and the Making of Malaya*. New York: Cambridge University Press.
- Idris Musa dan Fauzi Rahim Mustafa. 2006. "Lanun Geledah Kapal Haji". *Harian Metro*. 10 November.
- Jaafar Jusoh. 1936. *Perihal Pemergian ke Mekah dan Madinah iaitu Pelayaran dan Perjalanan ke Mekah al-Musyarrifah bagi Mengerjakan Haji dan ke Madinah al-Munawwarah bagi Ziarah Makam Rasulullah s.a.w. dan Sahabat-sahabatnya*. Johor Bharu: Soo Ping.
- Khazin Mohd. Tamrin. 1987. *Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan, 1880-1940*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 2001. *Malay Society: Transformation & Democratization: A Stimulating and Discerning Study on the Evolution of Malay Society*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Lim Teck Ghee. 1977. *Peasant and the Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*. London: Oxford University Press.
- McDonnell, Mary Byrne. 1986. *The Conduct of Hajj from Malaysia and Its Socio-Economic Impact on Malay Society: A Descriptive and Analytical Study, 1860-1981*. Phd Dissertation. Columbia University.
- Mokhzani Abdul Rahim. 2006. *Credit in A Malay Peasant Economy*. Kuala Lumpur: Arus Intelek. 2006.
- Muhammad Saleh Haji Awang (Misbaha). 1986. *Haji di Semenanjung Malaysia Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H (1886-1985M)*. Kuala Trengganu: Yayasan Islam Trengganu Sdn. Bhd.
- "Muslim Pilgrimage". 1937. *Genuine Islam* II (5): 36.
- Nabihah Hj. Hassan. 1978. *Sejarah Pengerjaan Haji Orang-orang Tanah Melayu Tumpuan Kajian di antara Tahun 1900-1940*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nash, N., 1978. "Pilgrims' Progress, Asian Style.", *Far Eastern Economic Review* 102(46): 32-36.
- Negeri Sembilan Secretariat File, RESDT 1344/97. Asks for a full report concerning the sales of land to Chinese Miners by Datoh Dagang & some Lenggong men.
- Parkinson, B. K. 1967. "Non-Economic Factors in the Economic Retardation of the Rural Malays", *Modern Asian Studies*, 1(1): 31-46.
- Rahim Abdullah. 1983. "Pelajaran Pondok di Kelantan". Khoo Kay Kim (ed.) *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Ramsay, A. B. 1956. "Indonesian in Malaya", *JMBRAS* XXIX (1):121-122.
- Reid, A., 1969. *The Contest for North Sumatra Atjeh, the Netherlands and Britain 1858-1898*. Kuala Lumpur: UReport of the Pilgrims Economic Welfare Committee. 1962. Federation of Malaya. Kuala Lumpur: Government Printing Office.
- Roff, W.R. 1975. "The Conduct of Hajj from Malaya and The First Malay Pilgrimage Officer". *SARI* 1: 81-112.
- Roff, W. R. 1982. "Sanitation and Security: The Imperial Powers and the Nineteenth Century Hajj". *Arabian Studies* VI. London: Scorpion Communications.
- SUK Johor 1926. 892/1926. 7 Julai 1926. Titah Perintah Wan Mat Pergi ke Mekah.
- SUK Johor 1936-1937. SS 3493/36. 24 September 1936. Salinan surat Inche Md. Yasin bin Hj. Abdul Latiff memohon cuti enam bulan.
- SUK Johor, SS3254/37. 1937. Permohonan Ikhsan Ungku Zubaidah Pendahuluan Pencen untuk ke Mekah.

Isu Tabungan Orang Melayu dalam Sejarah Pengerjaan Haji Era Kapal Laut

- SUK Kedah (SUK B, kotak 141). 2058/1946. 8 Mei 1949. Free Return Passages for Government Servants and Their Wives Proceeding on Pilgrimage to Mecca.
- SUK Kelantan 1937. 697/37. 6 November 1930. Surat daripada Dato' Perdana Menteri Paduka Raja, Kelantan.
- SUK Selangor Financial 434/1935). 20 November 1935. Application by Abdul Rani bin Hj. Abdul Samad Khatib, for a government grant to go to Mecca on Pilgrimage.
- Swift, M. G. 1961. "The Accumulation of Capital in A Peasant Economy". In Silcock, T. H. (ed.). *Readings in Malayan Economics*, Singapore: Donald Moore for Eastern Universities Press Ltd.
- Swift, M.G. 1963. "Malay Peasants". In Lamber, Richard D. and Hoselitz, Bert F. (eds.). *The Role of Savings and Wealth in Soutern Asia and the West*, Paris: UNESCO.
- Swift, M.G. 1967. "Economic Concentration and Malay Peasant Society". Dlm. Freedman, M. (ed.), *Social Organisation: Essays Presented to Raymond Firth*, London: Frank Cass and Company.
- Syed Husin Ali. 1972. "Land Concentration and Poverty Among the Rural Malays", *Nusantara* 1: 100-113.
- Syed Husin Ali. 1975. *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- "The Pilgrims and Pilgrim Ships Enactment". 1930, Federated Malay States, Enactment No. 7 of 1930", 1-2.
- Temubual dengan Hajah Umi Kulsom binti Kulop Mamat, Batu 18, Kampung Padang Assam, Padang Rengas, Perak, 14 Mac 2005.
- Temubual dengan Haji Ayob bin Saad, Belakang Masjid Tengku Malik, Alor Binjai, Tajar, Alor Setar, Kedah, 21 Januari 2006.
- Temubual dengan Haji Masri bin Haji Hassan, Sungai Rawa, Bagan Serai, Perak, 12 Disember 2005.
- Temubual dengan Haji Sabran bin Asmawi, Alor Pongsu, Bagan Serai, Perak, 10 Februari 2006.
- Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid. 1962. "Facts and Fallacies About the Malay Economy", *Ekonomi* 3(1): 12-22.
- von der Mehden, F. R. 1980. "Religion and Development in Southeast Asia: A Comparative Study", *World Development* 8(7/8): 545-553.
- Vredenburg, J. 1962. "The Haddj". *Bijdragen tot de taal-land-en volkendumde*, 118: 91-154.
- Wright, A. and Wright, C. 1908. *Twentieth Century Impressions of British Malaya*. London: Lloyd's Great Britain Publishing Company Ltd.
- Zainal Abidin Abd. Wahid, Yusof Ibrahim dan Mohd. Amin Hasan. 1993. *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.